

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN YANG BERKAITAN

#### 2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis membincangkan terlebih dahulu persoalan lexis dan makna perkataan. Setelah itu, penulis akan membincangkan pula makna konotasi dan frasa idiomatik. Dalam konteks kajian ini yang akan membicarakan tentang terjemahan Arab-Melayu, beberapa kajian dan penulisan yang berkaitan dengan penterjemahan BA sebagai bahasa sumber akan diteliti. Penulis juga akan memanfaatkan penyelidikan yang pernah dilakukan oleh para pengkaji berkaitan terjemahan Arab-Inggeris-Melayu.

Kajian-kajian berkaitan terjemahan Arab-Inggeris dimanfaatkan kerana ia telah membuktikan tahap kemantapan dan kemajuan dari segi teori dan pendekatan penterjemahannya. Terjemahan Arab-Inggeris sudah membuktikan kejayaan di persada global dalam konteks penterjemahan karya-karya klasik Arab. Kajian-kajian berkaitan terjemahan Arab-Melayu pula akan diteliti untuk melihat sejauh mana pencapaian, kelemahan dan kekurangan dari segi teori dan pendekatan yang telah dicapai secara khususnya di Malaysia.

Seterusnya, penulis akan mengupas tentang budaya khususnya tentang persoalan pemindahan makna antara budaya dalam terjemahan. Beberapa pendekatan yang berbeza dan berpengaruh yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana terjemahan dalam proses pemindahan makna antara budaya akan diteliti. Penelitian ini adalah untuk menghuraikan konsep dan objektif pendekatan-pendekatan tersebut. Tinjauan terhadap persoalan ini amat penting kerana ia

mempengaruhi penterjemahan dan pemikiran penterjemah. Dengan berpegang kepada sesebuah pendekatan, seseorang penterjemah akan memberikan warna yang berbeza terhadap karya terjemahannya. Penulis akan menumpukan kepada pendomestikan Nida, pengasingan Venuti, kesederhanaan Baker dan akulturasi Lefevere yang merupakan pendekatan-pendekatan berpengaruh dalam disiplin terjemahan.

Seterusnya, penulis akan menyorot pula isu mengenai jenis-jenis terjemahan serta membincangkan kerelevannya dan kritikan terhadapnya dari sudut pandangan sarjana mutakhir. Bab ini diakhiri dengan sebuah kesimpulan dalam bentuk yang menyeluruh tentang aspek makna dalam terjemahan.

## **2.1 Leksis : Makna Perkataan dan Frasa**

Leksis ialah "*the total stock of words in a language*" (*The New Oxford Dictionary of English*, 1998:1061) atau dalam BM ialah perbendaharaan kata sesebuah bahasa. Kita akan mengupas beberapa pandangan sarjana terjemahan tentang masalah menterjemah leksis khususnya perkataan dan frasa daripada TS kepada TT.

### **2.1.1 Masalah Makna Perkataan**

#### **2.1.1.1 Makna Perkataan : Kajian Baker (1992)**

Baker (1992) dalam karyanya *In Other Words* telah membahagikan analisis masalah-masalah terjemahan kepada beberapa tahap seperti perkataan, frasa, ayat dan teks. Baker bersetuju dengan pandangan sarjana terjemahan lain yang mencadangkan analisis terjemahan sewajarnya dimulakan daripada makro

kepada mikro. Namun, beliau berhujah bahawa kaedah itu adalah benar dari segi teori tetapi bagi mereka yang bukan ahli linguistik ia merupakan sesuatu yang sukar untuk diikuti kerana terlalu banyak yang perlu diketahui sekali gus. (Baker,1992:6)

Baker berhujah bahawa adalah sukar untuk mengasingkan pelbagai jenis makna dalam satu perkataan atau ujaran. Makna denotasi sukar untuk didefinisikan dengan sepenuh kepastian kerana dalam kebanyakan kes, perkataan mempunyai sempadan-sempadan yang kabur. Secara teori, Baker meragui konsep jenis-jenis makna. Baker menyimpulkan bahawa makna adalah boleh dirunding dan hanya diketahui dalam konteks yang spesifik. Walau bagaimanapun, Baker mengakui bahawa adalah penting juga penterjemah mengetahui jenis-jenis makna yang berbeza kerana masalah yang sering dihadapi oleh penterjemah ialah memindahkan makna perkataan dan ujaran ke dalam bahasa lain.

Baker masih menggunakan kayu ukur persamaan dan ketidaksamaan dalam terjemahan. Pada tahap leksikal atau perkataan, Baker (1992) menghuraikan beberapa masalah ketidaksamaan:-

1. Konsep kebudayaan spesifik : perkataan dalam bahasa sumber mungkin menyatakan sebuah konsep yang lansung tidak diketahui dalam budaya sasaran. Contohnya perkataan *privacy* amat keinggerisan konsepnya dan sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa lain.
2. Konsep bahasa sumber tidak mempunyai bentuk leksikal yang sama dalam bahasa sasaran untuk menggambarannya. Konsep tersebut mungkin diketahui dalam budaya sasaran tetapi tiada perkataan dalam bahasa sasaran

untuk menyatakannya. Contohnya, perkataan *standard* yang membawa maksud biasa dan tidak berlebihan melahirkan satu konsep yang mudah difahami oleh kebanyakan orang tetapi BA tidak mempunyai padanannya. (*ibid.*:1992)

3. Perkataan bahasa sumber secara semantik adalah kompleks. Contohnya, perkataan Brazil, *arruacao* membawa maksud *clearing the ground under coffee trees of rubbish and piling it in the middle of the row in order to aid in the recovery of beans dropped during harvesting*. (*ibid.*:1992)
4. Perbezaan dalam makna konotasi. Perkataan dalam bahasa sasaran mungkin mempunyai makna konotasi yang sama dengan perkataan bahasa sumber tetapi ia mungkin mempunyai perbezaan dalam menyatakan makna. Perbezaan mungkin kecil tetapi cukup untuk mencetuskan masalah dalam terjemahan apatah lagi jika padanan dalam bahasa sasaran adalah lebih bersifat emosional daripada bahasa sumber terutamanya yang berkaitan dengan isu yang sensitif seperti agama, politik dan seks. Contohnya, *homosexuality* dalam BI bukan perkataan yang pejoratif (mempunyai konotasi yang tidak menyenangkan atau mencemuh) tetapi terjemahannya kepada BA dengan *shithuth jinsi* شعث جنسي adalah pejoratif dan membawa maksud yang membawa sanggahan yang kuat. (*ibid.*:1992)
5. Penggunaan perkataan pinjaman: perkataan pinjaman boleh mencetuskan masalah kepada para penterjemah iaitu masalah *false friends*. Kawan palsu ialah perkataan atau ujaran yang mempunyai bentuk yang sama dalam satu

atau dua bahasa tetapi membawa makna yang berbeza. Apabila perkataan atau ujaran dipinjam ke dalam bahasa lain, perkembangannya tidak dapat dijangka dan makna tambahan yang akan diambilnya tidak dapat dikawal. Contohnya, perkataan Inggeris *sympathetic* adalah berbeza dengan perkataan Perancis *sympathique* yang bermakna menarik dan disukai. (*ibid.*:1992)

Baker membuat kesimpulan bahawa dalam menangani masalah ketidaksamaan, adalah penting terlebih dahulu untuk menilai signifikan dan implikasinya dalam teks yang tertentu.

#### **2.1.1.2 Makna Perkataan : Kajian Mouaket Ahmed (1986)**

Ahmed (1986) menulis tesis bagi ijazah doktor falsafah bertajuk "*Linguistics and Translation : Some Semantic Problems in Arabic-English Translation*". Kajian Ahmed adalah signifikan dari segi aspek-aspek berikut:

- Kajian tentang perkataan dan makna. Beliau menghuraikan masalah yang timbul daripada penterjemahan teks-teks BA ke dalam BI.
- Kajian tentang masalah terjemahan berkaitan struktur ayat BA termasuklah kajian tentang masalah yang timbul daripada penterjemahan teks-teks BA ke BI; masalah persamaan dan ketidakbolehterjemahan termasuklah a) masalah terjemahan yang berpunca daripada ciri linguistik dan stilistik, b) masalah penambahan makna atau pembuangan makna daripada teks c) perbezaan budaya antara bahasa sumber dan sasaran dan d) makna konotasi.

Dalam kajiannya ini, Ahmed merumuskan bahawa oleh sebab sebuah teks mungkin mengandungi berbagai-bagai jenis ciri linguistik, stilistik dan budaya,

seseorang penganalisis yang ingin mendapatkan hasil yang memuaskan tidak boleh hanya menumpukan ciri linguistik sahaja tanpa merujuk ciri-ciri ektralinguistik yang terkandung dalam teks. Ahmed telah mengumpulkan data-data daripada 3 buah karya terjemahan iaitu *'Ursu al-Zain* عرس الزين karya Tayeb Salih (1969) yang diterjemahkan oleh Denys Johnson-Davies (1969) dengan judul *The wedding of Zein; Zuqaq al-Midaq* زقاق المداق karya novelis Mesir Najib Mahfuz (1947) yang diterjemahkan oleh Trevor Le Gassick (1981) dengan judul *Midaq Alley; Tawahin Bayrut* طواحين بيروت karya Tawfiq Yusuf Awwad (1972) yang diterjemahkan oleh Leslie McLoughlin (1976) dengan judul *Death in Beirut*.

Ahmed menerusi kajiannya ini memberikan penilaian-penilaian normatif yang bersifat tradisional terhadap karya terjemahan seperti setia dan tidak setia, bebas dan tidak bebas. Contohnya, beliau menilai terjemahan *The Wedding of Zein* karya Johnson-Davies sebagai terjemahan yang setia kepada teks asal. Namun, Ahmed juga memberi komen bahawa Johnson-Davies ada menambah, membuang atau mengubah suai ungkapan bahasa sasaran untuk disesuaikan dengan kesan umum teks sumber. Beliau turut menilai karya terjemahan *Midaq Alley* oleh Le Gassick sebagai terjemahan yang berjaya menyampaikan mesej karya fiksyen kreatif dengan kebolehan yang hebat dan kesetiaan kepada teks Arab. Namun, Ahmed memberi komen bahawa sedikit penyuntingan adalah sesuai terutamanya apabila perbezaan budaya antara TS dan TT menjadi persoalan. Malah, Le Gassick

sendiri mengakui bahwa beberapa perkataan yang berkaitan dengan aspek kebangsaan orang Mesir dan budaya orang Islam yang tidak mempunyai padanan telah diberikan penerangan definisi secara ringkas di dalam teks di tempat-tempat yang bersesuaian. Ini adalah untuk mengelakkan masalah dan halangan yang tidak sesuai antara karya dan pembacanya. Sementara itu, Ahmed menilai karya terjemahan *Death in Beirut* sebagai agak bebas. Menurutnya, penterjemah banyak melakukan anjakan makna, penambahan, pemotongan dan pengubahsuaian pengucapan.

Ahmed menekankan dalam kajiannya bahawa masalah-masalah penterjemahan tidak hanya melibatkan ciri-ciri linguistik dan stilistik bahkan juga perbezaan-perbezaan budaya dan sosial antara bahasa sumber dan sasaran yang melibatkan ciri-ciri ekstralinguistik seperti agama, latar belakang sosial dan fenomena semulajadi yang asing. Ahmed mengemukakan beberapa contoh:

(1) وروحت ام الزين أن ابنها ولي من أولياء الله (1)

“Zein’s mother put it about her son was one of God’s saints.” (Terjemahan Davies)

Dalam contoh ini, Ahmed mengkritik terjemahan perkataan *waliyy* ولي dengan padanan “one of God’s saints” yang diberikan oleh Davies. Ahmed menjelaskan bahawa perkataan *saint* atau *holy man* mungkin mempunyai makna yang hampir sama bagi orang Kristian atau dengan lebih spesifik bahasa yang dituturkan oleh orang Kristian. Akan tetapi, masalah persamaan timbul di sini apabila teks bahasa sumber dan bahasa sasaran memperlihatkan perbezaan agama yang nyata dan dengan itu membawa pengertian keagamaan, sosial dan budaya

yang berbeza. Perkataan *saint* dalam BI biasanya disebut *qiddis* قدیس dalam BA. *Qiddis* seperti yang diungkap dalam al-Quran merujuk seseorang yang berpegang kepada kesucian agama Kristian dan ia tidak mempunyai persamaan dalam agama Islam, sebagaimana perkataan *waliyy* merupakan ungkapan yang eksklusif untuk orang Islam dan persamaannya tidak terdapat dalam agama Kristian. Ahmed akhirnya memberi pandangan bahawa perkataan *waliyy* itu lebih sesuai diterjemahkan sebagai *a holy man* atau *a friend of God* sebagai ganti kepada perkataan *saint*.

وكانت ليلاه هذه المرة فتاة من البدو (2)

“His ‘*Laila* this time was a young girl from among the bedouin.” (Terjemahan Davies)

Dalam contoh ini, Ahmed menyatakan bahawa Davies berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan padanan yang sesuai bagi perkataan *Laila* dalam bahasa sasaran. Hal ini kerana dalam BA, *Laila* merujuk nama seorang wanita secara am, tetapi dalam konteks yang lain seperti dalam contoh di atas, *Laila* menunjukkan bahawa seseorang lelaki itu berada dalam keadaan mabuk cinta dengan seseorang wanita. Oleh itu, Davies mengambil langkah mengekalkan ungkapan *Laila* seperti yang terdapat dalam teks asal sebagai jalan penyelesaian. Perkataan *Laila* mempunyai hubungan yang rapat dengan cerita *Qays* dan *Laila* yang dikenali dalam BA sebagai *Majnun Laila* iaitu seorang lelaki yang mabuk cinta dengan *Laila*. Kisah cinta *Majnun Laila* ini merupakan kisah cinta yang menarik dalam kesusasteraan Arab era pra-Islam.



### 2.1.2 Makna Konotasi : Kajian Mouaket Ahmed (1986)

Ahmed juga mengkaji beberapa teks tertentu daripada al-Quran terjemahan Yusuf Ali (1946). Menurut Ahmed, teks-teks yang dikajinya dalam konteks terjemahan al-Quran tersebut mempunyai nilai tertentu yang kaya dengan makna konotasi yang berbagai-bagai tahap.

Menurut Ahmed, analisis terhadap sebuah teks dalam bahasa sumber tidak sewajarnya dihadkan kepada kajian tentang hubungan sintaksis antara unit-unit linguistik atau makna rujukan (denotasi) unit tersebut. Analisis sewajarnya juga ditumpukan terhadap kajian aspek emotif atau konotasi yang hadir dalam struktur komunikasi. Beliau menegaskan bahawa kita tidak hanya memahami makna rujukan perkataan bahkan kita turut bertindak balas terhadapnya secara emosional; adakalanya kuat, lemah, menyokong dan adakalanya begitu negatif. Aspek makna yang bertindak balas dengan reaksi emosi terhadap perkataan dipanggil makna konotasi.

#### 2.1.2.1 Empat Faktor Utama Konotasi

Ahmed merumuskan bahawa terdapat empat faktor utama yang berkaitan dengan kajian terhadap konotasi.

- Pengujar : makna konotasi ditentukan berasaskan spesifikasi umur, seks, tahap pendidikan, pekerjaan, pegangan agama dan status sosial
- Persekitaran ujaran : makna konotasi menjadi berkesan apabila dikaitkan dengan persekitaran ujaran
- Susunan linguistik : perkataan-perkataan digunakan dalam konteks yang biasanya memerlukan penglibatan perkataan lain yang dapat memberikan pelbagai konotasi

- Budaya: perkataan-perkataan yang mempunyai pelbagai konotasi dalam sesebuah bahasa mungkin tidak mempunyai hubungan emotif yang sama dalam bahasa yang lain

### 2.1.2.2 Faktor Persekitaran : Beberapa Contoh Makna Konotasi daripada al-Quran

Ahmed memberi contoh daripada al-Quran untuk menunjukkan bagaimana persekitaran ujaran dapat menunjukkan makna konotasi yang begitu berkesan apabila dikaitkan dengan elemen-elemen alam semulajadi yang begitu difahami oleh penghuni padang pasir. Al-Quran menceritakan kisah Nabi Musa dan para pengikutnya iaitu Bani Israil dalam ayat:

وظلنا عليكم الغمام وأنزلنا عليكم المن والسلوى كلوا من طيبات ما رزقناكم

2:57

“Dan Kami naungi kamu dengan awan, dan Kami turunkan kepadamu *manna* dan *salwa*. Makanlah daripada makanan yang baik-baik yang telah Kami berikan kepadamu.”

2:57

Cerita ini ditujukan kepada masyarakat Arab yang majoritinya tinggal di padang pasir. Oleh itu, ayat “Dan Kami naungi kamu dengan awan,” ditujukan untuk memberikan konotasi simbol-simbol utama seperti air, cuaca sejuk, telaga oasis dan secara amnya kehidupan yang begitu bermakna kepada penghuni padang pasir. Akan tetapi, bagi mereka yang tinggal di kawasan hutan tropika yang dihujani sepanjang tahun, imej “dan Kami naungi dengan awan” itu bukanlah sesuatu yang begitu signifikan. Begitu juga, makanan *manna* iaitu sejenis

### 2.1.2.3 Faktor Susunan Linguistik

Menyentuh susunan linguistik sebagai sumber ketiga konotasi, Ahmed menyatakan bahawa perkataan-perkataan digunakan dalam konteks yang biasanya memerlukan penglibatan perkataan lain yang dapat membawa pelbagai konotasi. Dalam BA, perkataan seperti hitam, biru dan kuning akan membawa mesej yang tidak diingini apabila dihubungkan dengan perkataan-perkataan tertentu. Misalnya, secara literal ungkapan-ungkapan berikut bererti:

- اصفر من الحسد (Dia menjadi *kuning* kerana dengki- maksudnya dia berasa amat dengki)
- ازرق من الغضب (Dia menjadi *biru* kerana marah – maksudnya dia amat marah)
- اسود من الحقد (Dia menjadi *hitam* kerana dendam – maksudnya dia amat berdendam)

### 2.1.2.4 Faktor Budaya

Ahmed seterusnya menyatakan budaya sebagai sumber konotasi yang keempat. Menurut Ahmed, budaya memainkan peranan yang amat penting dalam proses terjemahan. Perkataan-perkataan yang mempunyai pelbagai konotasi dalam sesebuah bahasa mungkin tidak mempunyai hubungan emotif yang sama dalam bahasa yang lain. Ahmed mengemukakan contoh tentang bulan yang dikaitkan oleh banyak budaya sebagai lambang kisah romantik, kelembutan dan cinta. Tetapi, dalam bahasa Perancis, ujaran *la lune* difahami sebagai sesuatu yang melambangkan kebodohan dan adakalanya kebodohan. Oleh itu, ujaran *bete comme la lune* iaitu *as stupid as the moon* tidak membawa erti dalam budaya Arab atau Inggeris (Ahmed, 1986).

Perkataan gantinama juga adakalanya digunakan untuk memberikan konotasi tentang rujukan yang berbeza. Contohnya “we” dalam *we will not accept his apology* digunakan apabila yang bercakap ialah raja. Bahasa yang berbeza sering juga memberikan konotasi dan kesan sampingan emosi yang berbeza kerana perbezaan budaya. Contohnya, perkataan *khinzir* dalam BA, selain perasaan jijik yang ditunjukkan, ia mempunyai konotasi yang lebih teruk daripada padanannya dalam BI iaitu *pig* (*ibid.*:1986).

Di sini dapat disimpulkan bahawa kajian Ahmed merupakan kajian yang signifikan. Beliau berjaya memperlihatkan kepada para pembaca aspek-aspek perbezaan makna antara dua buah bahasa dan budaya yang berbeza iaitu Arab dan Inggeris dan bagaimana penterjemah sewajarnya menyelesaikan perbezaan tersebut dalam terjemahan. Masalah-masalah linguistik dan ekstra-linguistik yang merangkumi latar belakang agama, sosial dan budaya, perbezaan bahasa standard dan kolokial serta perbincangan tentang konotasi boleh dijadikan pedoman buat penulis apabila menganalisis terjemahan Arab-Melayu dalam karya terjemahan RIB kepada PIB. Namun, kajian Ahmed masih memperlihatkan kekurangan kerana kurang menyentuh penterjemahan makna denotasi dan idiomatik yang amat kaya dalam BA di samping penggunaan kayu ukur tradisional dalam menilai karya-karya terjemahan.

### 2.1.3 Makna Frasa Idiomatik : Kajian Baker (1992)

Baker turut membincangkan tentang penterjemahan idiom dan ungkapan yang tetap (1992.:68-71). Baker menggariskan dua masalah dalam penterjemahan idiom. Pertama ialah kemampuan untuk mengenal pasti dan menginterpretasi

idiom dengan tepat. Kedua ialah kesukaran membawa pelbagai aspek makna yang dibawa oleh idiom ke dalam bahasa sasaran.

### 2.1.3.1 Empat Kesukaran Menterjemah Idiom

Baker menyenaraikan empat kesukaran dalam menterjemahkan idiom. Pertama, sebuah idiom mungkin tidak mempunyai padanan dalam bahasa sasaran. Cara sesuatu bahasa untuk menyatakan atau tidak menyatakan sesuatu makna adalah berbeza. Ada yang menyatakan suatu makna menerusi perkataan mufrad, ada yang menerusi ungkapan yang tetap dan ada yang menyatakannya menerusi idiom. Oleh sebab itu, adalah tidak realistik untuk mengharapkan idiom dan ungkapan yang sepadan dalam bahasa sasaran. Contohnya, ungkapan persuratan Inggeris *Yours sincerely* tidak mempunyai padanan dalam persuratan Arab. Sebaliknya, ungkapan seperti *wa tafadalu biqabuul fa'iq al-ihtram* وتفَضُّلُوا بِإِقْبَالِ الاحترام yang lebih lazim digunakan tetapi tidak mempunyai hubungan lansung dengan *Yours sincerely* tadi.

Kedua, sebuah idiom atau ungkapan tetap mungkin mempunyai padanan yang sama dalam bahasa sasaran tetapi konteks penggunaannya mungkin berbeza. Mungkin kedua-duanya mempunyai konotasi berbeza atau secara pragmatiknya tidak boleh dipindahkan. Contohnya, idiom Inggeris *To sing a different tune* membawa maksud berkata atau membuat sesuatu yang menunjukkan perubahan pendapat kerana ia bertentangan dengan apa yang telah dikata atau dilakukan sebelum ini. Idiom Cina, *chang-dui tai-xi* (menyanyi irama yang berbeza) juga merujuk kepada pendapat yang berbeza tetapi mempunyai penggunaan yang berlainan. Ia mempunyai konotasi politik yang kuat dan dalam konteks yang

tertentu boleh diinterpretasikan sebagai menyatakan pujian dan bukan percanggahan pendapat.

Ketiga, sesebuah idiom dalam bahasa sumber mungkin diterjemahkan secara literal dan idiomatik ke dalam bahasa sasaran. Sebuah idiom tidak boleh dilahirkan semula dalam bahasa sasaran melainkan idiom bahasa sasaran dapat bertindak balas kepada idiom bahasa sumber dari segi bentuk dan juga makna.

Keempat, penggunaan idiom dalam wacana bertulis, konteks dan kekerapan penggunaannya mungkin berbeza antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Baker seterusnya berpendapat bahawa BA mengelakkan penggunaan idiom dalam teks bertulis. Baker menyatakan:

Using idioms in English is very much a matter of style. Languages such as Arabic and Chinese which make a sharp distinction between written and spoken discourse and where the written mode is associated with a high level of formality, tend, on the whole, to avoid using idioms in written texts.

*Ibid.:71*

### 2.1.3.2 Strategi Menterjemah Idiom

Antara strategi-strategi yang dicadangkan oleh Baker untuk menterjemah idiom ialah menggunakan idiom yang serupa dari segi makna dan bentuk; menggunakan idiom yang serupa dari segi makna tetapi berbeza dari segi bentuk; menterjemahkan idiom dengan cara parafrasa dan menurut Baker inilah cara yang paling kerap digunakan apabila padanan tidak dapat dicari dalam bahasa sasaran. Kesimpulannya, kajian Baker ini penting dan menengahkan beberapa persoalan

yang penting khususnya dalam beberapa aspek yang relevan dengan persoalan leksis. Peringatan yang diberikan oleh Baker supaya penterjemah tetap memberikan perhatian terhadap persoalan makna daripada tahap mikro kepada makro perlu diberi perhatian walaupun sarjana-sarjana terjemahan kini menyedari bahawa makna sebenar dalam terjemahan hanya dapat dilihat daripada tahap makro kepada mikro.

#### **2.1.4 Masalah Leksikal: Ketidakbolehterjemahan Konseptual dan Struktural**

Al-Najjar (1984) mengemukakan kajian berjudul *Translation as a Correlative of Meaning : Cultural and Linguistic Transfer between Arabic and English* sebagai tesis ijazah Doktor Falsafah. Al-Najjar menumpukan kajiannya kepada terjemahan Arab-Inggeris dengan fokus istimewa terhadap BA dialek Iraq dan BI dialek Amerika. Al-Najjar mengupas kaedah penterjemahan perkataan dan idiom di samping mengkaji ciri-ciri linguistik terjemahan seperti metafora, simile dan personifikasi.

Al-Najjar mengambil terminologi ketidakbolehterjemahan sebagai kayu ukur kajiannya. Al-Najjar membahagikan elemen ketidakbolehterjemahan kepada dua; pertama konseptual dan kedua struktural. Ketidakbolehterjemahan konseptual bermaksud konsep yang terdapat dalam budaya sumber bukan sebahagian daripada konsep budaya bahasa sasaran. Al-Najjar menjelaskan bahawa BI banyak bergantung kepada perkataan pinjaman dalam memindahkan konsep budaya Arab kepada Inggeris. Al-Najjar juga menyatakan bahawa sekiranya konsep baru dipindahkan kepada budaya penerima, penunjuk linguistik yang dibentuk itu tidak

akan difahami melainkan konsep itu telah diterangkan terlebih dahulu. Ciri-ciri stilistik seperti metafora, simile dan simpulan bahasa boleh diterjemahkan secara literal, tetapi jika makna metaforiknya tidak dapat difahami oleh pembaca sasaran, terjemahan itu sewajarnya dilengkapi dengan maklumat yang dapat menjelaskannya.

Ketidakbolehterjemahan struktur bermaksud bahawa struktur yang membentuk konsep dan bahasa sumber tidak mempunyai persamaan dan padanan dalam bahasa penerima. Jenis ini kebanyakannya bersifat sosiodialek, sintaktik dan fonologi. Kesemua ini tidak dapat ditebus dalam terjemahan. Bentuk sosiodialek BA Iraq menolak terjemahan kepada BI Amerika dan sebaliknya. Ciri-ciri fonologi sebuah sajak seperti rangkap, rima dan kesan bunyi yang menyumbang kepada makna keseluruhan adalah tidak boleh diterjemahkan. Kesimpulannya, al-Najjar masih menilai terjemahan berdasarkan pendekatan pemikiran linguistik iaitu persamaan dan ketidakbolehterjemahan yang dikemukakan oleh Nida dan Catford. Beliau masih lagi belum melihat terjemahan dalam konteks pertukaran dan perundingan antara dua buah budaya yang berbeza seperti yang difokuskan oleh sarjana-sarjana mutakhir hari ini.

## 2.2 Budaya

Biguenet dan Schule (1989) menyatakan bahawa terjemahan ialah pemindahan kepada sebuah persekitaran bahasa yang baru. Tanpa pemindahan, tiada terjemahan yang dilakukan. Dalam proses penterjemahan, antara perkara yang penting untuk dipindahkan ke dalam bahasa sasaran ialah pemindahan makna dan budaya yang merangkumi perkataan. Menurut Biguenet dan Schule,



seseorang penterjemah perlu mendefinisi sempadan-sempadan makna dan pelbagai hubungannya yang merangkumi setiap perkataan. Ia perlu menilai sempadan-sempadan perkataan ini dan situasi-situasi yang dicipta oleh perkataan tersebut dalam sesebuah teks. Apa yang ditemuinya bukan sahaja persamaan makna yang terkandung dalam dua perkataan, bahkan jua pelbagai perbezaan. Penemuan tentang perbezaan-perbezaan itu merupakan sumbangan penting penterjemah sebagai seorang pengantara terhadap permukaan sesebuah perkataan serta nilai semantik dan budaya yang terkandung dalamnya.

### **2.2.1 Terjemahan dan Proses Pemindahan Makna antara Budaya**

Rabassa (1989:10) menyatakan bahawa memelihara dan menyampaikan latar belakang budaya dan elemen-elemen yang mengiringinya melalui perkataan merupakan aspek yang amat sukar dalam terjemahan. Penterjemah perlu menilai sempadan-sempadan setiap situasi sesebuah budaya untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaannya.

Menurut Biguenet dan Schule, penterjemah perlu mencari hubungan dalam sebuah teks : hubungan antara perkataan, hubungan perkataan dengan latar belakang filologi dan etimologinya, hubungan perkataan dengan suasana budayanya dan tradisi sejarah dan hubungan antara perkataan dengan konteksnya dalam sebuah teks. Terjemahan merupakan sebuah proses menggiatkan pemikiran situasional dengan memikirkan beberapa kemungkinan tentang interaksi dan makna dalam sebuah teks, untuk memilih daripada kemungkinan ini satu penyelesaian yang hampir kepada atmosfera sesebuah situasi. Dalam proses

penterjemahan, pemikiran berputik daripada situasi yang terdapat dalam sebuah teks dan bukannya dibawa kepada teks daripada luar.

Berasaskan pandangan Biguenet, Schule dan Rabassa tadi, terjemahan kelihatan sebagai sebuah tugas yang amat rumit. Akan tetapi, bahasa seperti yang dijelaskan oleh Bell, mempunyai kod yang mengandungi elemen-elemen yang boleh menggabungkan isyarat kesan semantik dan sistem komunikasi. Dengan menggunakan bentuk-bentuk kod tersebut, penterjemah dapat membuat satu entiti (dalam dunia perasaan dan minda) dan mencipta isyarat-isyarat yang memiliki nilai komunikasi yang sama seperti yang terdapat dalam bahasa sumber (Bell, 1991:6-7)

Dalam membicarakan persoalan pemindahan makna dan budaya dalam terjemahan, wujud perbezaan pendapat antara sarjana-sarjana terjemahan. Antara mereka ada yang mengambil pendekatan bahawa terjemahan perlu didomestikkan mengikut budaya bahasa sasaran. Ada yang menyarankan supaya terjemahan diasingkan (*foreignized*) untuk mengekalkan kelainan nilai-nilai budaya bahasa sumber. Ada pula yang mengambil pendekatan seperti akulturasi yang sederhana. Pendekatan-pendekatan tersebut dan kesannya terhadap terjemahan akan diterangkan dalam perbincangan di bawah ini.

### **2.2.2 Pelbagai Pendekatan Dalam Proses Pemindahan Makna Antara Budaya**

Dalam isu ini, kita akan mengkaji pendapat empat orang sarjana yang berbeza iaitu Nida, Venuti, Baker dan Lefevere. Nida dilihat sebagai pemimpin pendekatan bahawa terjemahan perlu didomestikkan, Venuti pula berpendapat

bahawa terjemahan perlu diasingkan sementara Baker dan Lefevere pula mengambil pendirian yang sederhana.

### 2.2.2.1 Pendomestikan Nida (1964)

Teori terjemahan Nida sememangnya tersohor dalam kajian terjemahan dan mempunyai pengikut yang ramai semenjak 30 tahun yang lalu. Akan tetapi, teori beliau telah menerima kritikan hebat mutakhir ini (sepertimana yang dibuktikan dalam Bab 1). Aliran terjemahan yang dibawa oleh Nida ialah aliran yang mendomestikkan terjemahan. Mendomestikkan terjemahan bermaksud pengurangan etnosentrik teks asing kepada nilai-nilai budaya bahasa sasaran dan membawa balik penulis asal ke tempat sendiri. Perbezaan linguistik dan budaya yang wujud dalam terjemahan dilambangkan oleh budaya bahasa sasaran, diasimilasikan kepada kefahaman, kanun, taboo, kod dan ideologi bahasa sasaran. Di sini, adalah wajar kita lihat teori yang dikemukakan oleh Nida ini menurut kritikan yang telah diberikan oleh sarjana. Salah seorang yang mengkritik Nida secara panjang lebar ialah Venuti. Oleh itu kita akan melihat kritikan yang telah diberikan oleh Venuti terhadap teori Nida tersebut.

Menurut Venuti (1995:21-23), kebudayaan Anglo-Amerika telah lama dikuasai oleh teori pendomestikan Nida yang menyokong terjemahan yang bersifat lancar (*fluent*). Dengan ilusi ketelusan (*transparency*), sebuah terjemahan yang lancar menyamar sebagai persamaan makna yang sebenar sedangkan pada hakikatnya ia hanya menggambarkan teks terjemahan dengan interpretasi sebahagian, iaitu sebahagian daripada nilai-nilai BI dengan mengurangkan atau memisahkan kelainan (*foreignness*) yang sewajarnya disampaikan oleh sebuah

terjemahan. Penganiyaan etnosentrik ini adalah jelas terdapat dalam teori terjemahan Nida, konsultan kepada Persatuan Injil Amerika yang prolif dan berpengaruh.

Terjemahan persamaan dinamis, menurut Nida (1964), bertujuan untuk mencapai kesejadian pernyataan yang menyeluruh. Kenyataan ini jelas membayangkan kepentingan strategi kelancaran dan kelancaran pula melibatkan pedomestikan. Nida kemudiannya menyatakan (Nida dan de Waard:1986), penterjemah mestilah seseorang yang boleh menyingkap tabir perbezaan linguistik dan budaya supaya orang ramai boleh melihat dengan terang kerelevanan mesej teks asal. Venuti menyangkal pandangan ini dengan menyatakan bahawa relevan yang dimaksudkan Nida ini ialah relevan terhadap budaya bahasa sasaran, iaitu sesuatu yang tidak dipedulikan oleh penulis asing semasa mereka menulis teks mereka. Mereka tidak menulis supaya kerelevanan itu boleh dilakukan dalam proses terjemahan.

Bagi Nida, ketepatan dalam terjemahan bergantung pada penghasilan kesan yang sama dalam budaya bahasa sasaran: "penerima sebuah terjemahan sepatutnya memahami teks yang diterjemahkan kepada suatu tahap mereka dapat memahami bagaimana penerima asal sepatutnya telah memahami teks asal." Terjemahan persamaan dinamis merupakan komunikasi antara bahasa (*interlingual communication*) yang menyelesaikan masalah perbezaan linguistik dan budaya yang menghalangnya. Walau bagaimanapun, memahami sebuah teks dan budaya asing menerusi terjemahan seperti ini hanya memberi jawapan secara dasarnya kepada nilai-nilai budaya bahasa sasaran dengan menabirkan pedomestikan dalam bentuk ketelusan yang dihasilkan oleh strategi kelancaran.

Adalah jelas dalam teori Nida bahawa komunikasi diinisiatif dan dikawal oleh budaya bahasa sasaran. Ia kurang kelihatan sebagai pertukaran maklumat tetapi apropriasi teks asing untuk tujuan tempatan. Teori Nida tentang komunikasi tidak mengambil kira secukupnya penganiyaan etnosentrik yang wujud dalam proses terjemahan.

Nida menyatakan bahawa teori terjemahannya adalah berasaskan konsep kemanusiaan sebagai sesuatu yang tidak berubah pada sepanjang masa dan tempat. Nida menyatakan, "sepertimana ahli bahasa dan antropologi telah menemui bahawa sesuatu yang menyatukan manusia adalah lebih baik daripada sesuatu yang memecah belahkan, dan inilah sebuah asas komunikasi, walaupun dalam kes-kes bahasa dan budaya yang berbeza." (Nida,1964:2). Pada zahirnya, teori Nida ini nampak demokratik tetapi ia bercanggah dengan nilai-nilai yang membentuk teori terjemahan beliau khususnya penyebaran Kristian dan elitism budaya. Berdasarkan rekod Nida, beliau telah menulis kajian-kajian dalam antropologi dan linguistik yang direka khusus untuk penterjemah dan pendakwah Injil. Pada hakikatnya, konsep persamaan dinamis Nida menghubungkan penterjemah dengan misionari. Ketelusan yang dimaksudkan beliau adalah khusus untuk tujuan humanisme Kristian. Misionari dan penterjemah hendaklah mendapatkan persamaan dinamis dalam bahasa sasaran untuk mewujudkan kerelevanan kitab Injil dalam budaya sasaran. Sesungguhnya inilah kenyataan yang merungkai persoalan mengapa ramai sarjana mutakhir kini mengkritik dan menolak teori terjemahan Nida.

### 2.2.2.2 Pengasingan Venuti (1995)

Berikutnya kita akan melihat pendapat Venuti yang menekankan tentang pentingnya pengasingan terjemahan (*foreignizing translation*). Pengasingan terjemahan bermaksud suatu tekanan etnodevian terhadap nilai-nilai budaya bahasa sasaran untuk memasukkan perbezaan linguistik dan budaya teks asing, dan membawa pembaca keluar dari tempat sendiri.

Venuti merupakan seorang sarjana terjemahan yang menentang aliran pendomestikan terjemahan yang mendominasi kajian terjemahan. Dalam kaedah beliau ini, bukan penterjemah sahaja yang mempunyai fungsi untuk memindahkan kelainan budaya bahasa sumber bahkan pembaca terjemahan juga mempunyai tanggungjawab untuk memahami kelainan budaya tersebut. Ini berbeza dengan kaedah pendomestikan yang menekankan terjemahan yang lancar dan mudah difahami oleh pembaca sasaran.

Venuti sebenarnya menjejaki pendekatan ahli teologi dan falsafah Jerman, Friedrich Schleiermacher yang memilih kaedah pengasingan dalam terjemahan. Teks terjemahan merupakan wadah sebuah budaya lain dimanifestasikan - walaupun, sudah tentu, sebuah kelainan yang tidak sekali akan dapat dimanifestasikan dalam istilah-istilahnya sendiri, hanya dalam istilah-istilah bahasa sasaran. (Venuti, 1995:20)

Venuti menyatakan bahawa pengasingan terjemahan yang menunjukkan kelainan teks asing hanya terlaksana dengan mengganggu kod-kod budaya yang biasa wujud dalam bahasa sasaran. Dalam usaha untuk melakukan sesuatu yang betul di "luar", kaedah terjemahan ini mesti melakukan kesalahan di "rumah",

meyimpang daripada norma-norma tempatan untuk mementaskan sebuah pengalaman pembacaan yang asing - dengan memilih untuk menterjemahkan sebuah teks asing yang dikecualikan oleh undang-undang kesusasteraan tempatan, atau menggunakan sebuah wacana pinggiran untuk menterjemahkannya. (*ibid.*:20)

Venuti menganggap pengasingan terjemahan sebagai usaha untuk menghalang penganiyaan etnosentrik dalam terjemahan. Venuti tidak bersetuju dengan hegemoni BI dan pertukaran budaya yang tidak adil (tidak seimbang). Pengasingan terjemahan boleh menjadi suatu bentuk ketahanan menentang etnosentrisme, rasisme, narsisisme budaya dan imperialisme dalam kepentingan hubungan geopolitik yang demokratik. (*ibid.*:20)

Dari segi teori dan praktik terjemahan, kaedah pengasingan ini adalah khusus kepada negara Eropah tertentu dan pada era sejarah tertentu : ia diformulakan oleh kebudayaan Jerman semasa era klasik dan romantik dan kini dicergaskan semula dalam senario kebudayaan Perancis. Ini berlawanan dengan teori Nida yang berkembang khususnya di Anglo-Amerika.

Venuti turut menyentuh persoalan persamaan (*equivalence*) dengan pandangan yang kritis. Beliau menyatakan bahawa terjemahan merupakan sebuah proses yang melibatkan pencarian persamaan antara bahasa dan budaya atau dengan lebih tepat lagi, mesej dan teknik formal yang sama. Akan tetapi, terjemahan melakukan semua itu hanya kerana ia sentiasa berkonfrantasi dengan ketidaksamaan. Terjemahan tidak akan dapat dan tidak sepatutnya sekali-kali membuat matlamat untuk mengeneipkan ketidaksamaan ini sepenuhnya. Sebuah teks terjemahan sewajarnya menjadi wadah kemunculan budaya asing dan seorang pembaca mendapat imbasan tentang suatu budaya yang lain. (*ibid.*:306)

Venuti seterusnya menyimpulkan bahawa penterjemah ialah seorang yang bekerja dengan berbagai-bagai tahap perkiraan, di bawah pengendalian diri yang berterusan dan melazimkan diri dengan rujukan yang aktif terhadap peraturan dan sumber kehidupan - daripada kamus, tatabahasa hinggalah kepada teks-teks lain, strategi terjemahan, dan terjemahan sama ada yang utama atau pinggiran) ia mungkin menyerah kepada atau menentang nilai-nilai yang dominan dalam bahasa sasaran. Setiap satu tindakan amat berpengaruh terhadap arah tuju seterusnya.

Menyerah bererti menerima ideologi asimilasi semasa proses penterjemahan, meletakkan yang sama dalam budaya yang lain, mengejar suatu narsissime budaya yang bersifat imprealistik di luar dan konservatif dalam mempertahankan hukum hakam "tempatan". Menentang bererti menganut suatu ideologi autonomi, melakukan yang asing dalam budaya yang lain, mengejar kepelbagaian budaya, mengutamakan perbezaan linguistik dan budaya bahasa teks sumber dan memindahkan hirarki nilai budaya dalam bahasa sasaran. (*ibid.*:308-309)

### 2.2.2.3 Pendekatan Baker (1992)

Kini kita lihat pula pandangan yang lebih sederhana daripada Baker. Baker menyatakan, demi memelihara koheren sesebuah teks, penterjemah perlu mengurangkan percanggahan antara model dunia yang dipersembah dalam teks sumber dan model dunia yang dikenali oleh pembaca sasaran. Tahap campur tangan penterjemah mungkin berbeza dan bergantung kepada dua faktor. Pertama, kemampuan penterjemah untuk menilai pengetahuan dan kehendak pembaca sasaran - jika lebih banyak mereka dijangkakan mengetahui maka semakin



kuranglah kecondongan penterjemah untuk memberikan huraian yang panjang. Begitu juga, jika model dunia yang dipersembah dalam teks sumber dilihat lebih harmoni dengan versi dunia budaya sasaran maka lebih condonglah penterjemah untuk terus tidak kelihatan iaitu mengelakkan diri daripada membuat campur tangan secara lansung. Kedua ialah pandangan penterjemah sendiri tentang di mana kesetiannya patut disandarkan - adakah kepada teks sumber atau pembaca sasaran.

Baker kelihatan memberikan sokongan terhadap idea pengasingan terjemahan dan perlunya memperkenalkan budaya asing yang bertentangan dengan budaya pembaca. Baker menyatakan:

...readers in general, and readers of translated text in particular, are prepared to accept a great deal of change and a view of the world which is radically different from their own, provided they have a reason for doing so and are prepared for it. In attempting to fill gaps in their readers' knowledge and fulfil their expectations of what is normal or acceptable, translators should be careful not to 'overdo' things by explaining too much and leaving the reader with nothing to do.

Baker, 1992:254

#### **2.2.2.4 Pendekatan Akulturasi Lefevere (1992)**

Lefevere mempunyai pendekatan yang lebih sederhana terhadap proses pemindahan makna antara budaya berbanding Nida dan Venuti. Lefevere melihat persoalan penerbitan teks terjemahan sebagai punca penterjemah terpaksa mendomestikkan terjemahannya. Penterjemah berminat supaya karya mereka diterbitkan. Matlamat ini hanya boleh dicapai sekiranya terjemahan yang dihasilkan tidak berkonflik dengan standard yang diterima dalam bahasa sasaran;

dengan ideologi budaya tersebut. Seandainya TS berlawanan dengan ideologi budaya sasaran, penterjemah perlu mengadaptasi teks itu supaya perenggan-perenggan yang bertentangan diubahsuai atau ditinggalkan. Terjemahan akan diterbitkan, dijual dan dibaca dengan lebih mudah jika ia bersesuaian dengan konsep yang dominan dalam bahasa sasaran. Lefevere memberikan contoh sajak antikuiti Timur yang tidak berirama sering diterjemahkan secara berirama di Eropah dan Amerika semenjak abad ke 16 hingga 19 M.. (Lefevere, 1992b:87)

Akan tetapi, di sebalik persoalan penerbitan karya terjemahan yang menjadi punca masalah, Lefevere mengemukakan isu akulturasi dalam terjemahan. Pandangan beliau tentang akulturasi terjemahan memperlihatkan pendirian yang lebih sederhana berbanding Nida dan Venuti. Dalam dunia wacana, jelas Lefevere, pertentangan antara dua buah budaya boleh mengakibatkan pelbagai jenis salah faham tentang akulturasi dan tentang berbagai-bagai jenis percampuran antara dua buah budaya. (*ibid.*:127) Penterjemah mungkin berhadapan dengan benda, adat dan konsep yang dengan pantas difahami oleh pembaca asal tetapi belum lagi difahami oleh bakal pembaca terjemahan. Tetapi, mujurlah, jelas Lefevere, sedikit tahap pengalaman manusia, emosi, tamadun material dan falsafah tetap ada yang membolehkan penterjemah bertindak balas terhadap teks asal serta menjadikannya sebagai titik tolak pencarian mereka terhadap persamaan dalam budaya dan kesusasteraan mereka.

Strategi penterjemah boleh dipengaruhi oleh tanggapan bahawa budaya asing dilihat penting terhadap pembangunan budaya sasaran. Secara umum, menurut Lefevere, para penterjemah begitu berhati-hati dalam mengekalkan ciri-ciri dunia wacana yang dimiliki oleh sebuah budaya yang mereka anggap penting.

Ada penterjemah yang membuat keputusan untuk mengekalkan kesan eksotik dengan segala harga jika kesan eksotik itu mempunyai nilai istimewa. Walau bagaimanapun, secara praktikalnya, masalah akulturasi cenderung untuk selesai secara sendiri apabila persekitaran budaya berkembang semakin rapat. Ia perlu terlebih dahulu melalui satu fasa penerangan sehingga apa yang dijelaskan itu menjadi sebahagian daripada persekitaran konseptual budaya sasaran. Lefevere memberi contoh penterjemah pertama kesusasteraan Rusia ke bahasa Eropah Barat akan menerangkan dalam nota kaki makna sup *'borscht'* tetapi tidak 100 tahun selepas itu apabila sup yang sama dihidangkan di banyak restoran di Eropah Barat. (*ibid.*:128)

Berhubung ciri-ciri tertentu dunia wacana pengarang asal yang mungkin tidak difahami oleh audiens sasaran, sama ada kerana ia belum lagi wujud atau kerana ia telah mengambil makna yang lain, Lefevere mencadangkan agar penterjemah sama ada menggantikan ciri-ciri yang seakan-akan serupa daripada dunia wacana budaya sasaran atau cuba untuk mencipta semula dunia wacana pengarang asal dengan cara terbaik yang mereka boleh dalam pendahuluan atau nota kaki, atau - seperti yang biasa dilakukan - dalam kedua-duanya. (*ibid.*:87)

Lefevere turut menerangkan bahawa sesuatu pengalaman yang diceritakan atau situasi yang digambarkan yang secara ideologinya diterima dalam budaya sumber, adalah tidak atau dirasakan masih belum boleh diterima dalam budaya sasaran. Lefevere menyatakan bahawa selama lebih satu setengah abad, banyak penterjemah yang dengan mudah membuang sajak yang mereka rasakan bahawa situasi yang diceritakan tidak akan diterima secara ideologinya oleh ahli budaya

mereka yang lazimnya akan menganggapnya satu pencabulan dalam karya terjemahan. (*ibid.*:88)

Penterjemah, jelas Lefevere, perlu membuat keputusan berkali-kali pada tahap ideologi dan dunia wacana, dan keputusan yang mereka buat ini sentiasa terdedah kepada kritikan daripada pembaca yang memegang ideologi yang berbeza dan pembaca yang tidak berpuas hati dengan strategi yang dipilih oleh penterjemah untuk menjadikan dunia wacana elemen yang mudah difahami atau senang diteka. (*ibid.*:88) Sebuah konsensus mungkin muncul terhadap nilai sesebuah terjemahan tetapi konsensus itu juga boleh berubah. Terjemahan yang masyhur pada masa lepas ada yang telah luput daripada ingatan dan sejarah terjemahan Injil di Eropah memberikan banyak contoh tentang proses ini (*ibid.*:89).

#### **2.2.2.5 Kesimpulan**

Setelah diteliti pandangan Nida, Venuti, Baker dan Lefevere di atas, nyatalah bahawa terdapat pendekatan yang berbeza dalam menangani persoalan pemindahan makna antara budaya. Ada yang ekstrim dengan teori pendemestikan seperti Nida, pengasingan seperti Venuti dan ada yang bersifat lebih sederhana dan terbuka seperti Baker dan Lefevere. Kenyataan ini membuktikan betapa kompleksnya persoalan pemindahan makna budaya dalam terjemahan.

Selain persoalan pendekatan dalam proses pemindahan makna antara budaya yang berbeza yang telah diuraikan di atas, persoalan tentang jenis-jenis terjemahan juga ialah isu besar dalam kajian terjemahan. Adalah wajar isu ini diberikan satu penilaian.

### 2.3 Isu Jenis-jenis Terjemahan dan Kritikan terhadapnya

Dalam kajian terjemahan, terdapat pelbagai jenis terjemahan yang dibicarakan iaitu:

- Terjemahan literal : terjemahan yang memelihara aspek-aspek permukaan sesebuah mesej, secara semantik dan sintaktik, dan berpegang erat dengan mod penyataan teks sumber;
- Terjemahan bebas: Terjemahan yang mengubah suai ekspresi permukaan dan menjaga hubungan hanya pada tahap makna dalaman. Pilihan kaedah ditentukan oleh kandungan yang berkaitan dengan jenis teks, tujuan terjemahan dan sebagainya;
- Terjemahan bentuk : Terjemahan yang berusaha sejauh mungkin untuk menyampaikan bentuk dan kandungan teks sumber seperti unit tatabahasa, penggunaan perkataan yang konsisten dan makna berdasarkan konteks bahasa sumber;
- Terjemahan dinamis : Terjemahan yang berusaha memberi pembaca sasaran kesan penerimaan yang serupa dengan kesan yang dialami oleh pembaca bahasa sumber;
- Terjemahan komunikatif : Terjemahan yang berusaha menghasilkan kepada pembacanya kesan yang se hampir mungkin seperti yang diterima oleh pembaca asal. Terjemahan komunikatif secara lebih kurang adalah bersamaan dengan “adaptasi budaya” teks sumber supaya pembaca dalam budaya sasaran akan mendapati ia lebih mudah untuk dibaca. Terjemahan

komunikatif menangani mesej yang terdapat dalam teks asal dan secara nyata ia jatuh di bawah kategori fungsional;

- Terjemahan semantik: Terjemahan yang cuba menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya yang terdapat dalam teks asal, setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Terjemahan semantik lebih tergolong dalam kategori persamaan: ia cuba memberikan sebuah persamaan kandungan semantik untuk perkataan-perkataan yang terdapat dalam bahasa sumber dan lebih menumpukan kepada makna bahasa sumber (Lefevere, 1992:10).

Ternyata bahawa semakin berkembang teori dan pendekatan terjemahan semakin bertambahlah jenis terjemahan yang ada seperti yang dikemukakan di atas. Persoalannya, adakah seorang penterjemah perlu menganut mazhab teori terjemahan tertentu dan menerapkannya dalam tugas penterjemahan? Hatim (1997) menyangkal pendapat ini.

### **2.3.1 Kritikan Hatim (1997) Terhadap Teori Jenis-jenis Terjemahan**

Hatim menyatakan bahawa sepanjang 30 tahun yang lalu, teori dan amalan terjemahan telah dikuasai oleh beberapa dikotomi atau pembahagian. Kajian terjemahan telah menyaksikan perdebatan antara terjemahan literal dengan bebas, terjemahan bentuk dengan terjemahan fungsian, terjemahan komunikatif dengan terjemahan semantik dan sebagainya. Hatim menganggap pembezaan seperti ini amat mengganggu bukan hanya kerana tersebarunya terminologi-terminologi yang tidak sesuai tetapi kesan yang diberikannya seolah-olah menimbulkan tanggapan

bahawa terminologi-terminologi tersebut ialah pilihan yang tepat yang dibuat secara sedar oleh para penterjemah berdasarkan mazhab yang dipegangnya. Selain itu, terdapat juga pembezaan lain seperti terminologi terjemahan teknikal dan bukan teknikal, terjemahan kesusasteraan dan bukan kesusasteraan serta terjemahan khusus dan bukan khusus.

Hatim berhujah bahawa konteks kesusasteraan sudah tentu berbeza dengan konteks bukan kesusasteraan dan cara menangani bahasa teknikal sudah pasti berbeza dengan cara menangani bahasa bukan teknikal. Ciri-ciri kontekstual ini tanpa ragu adalah jelas boleh diperolehi daripada teks dan akan ditangani sewajarnya bila ia berlaku. Walau bagaimanapun, ciri-ciri kontekstual ini tidak sekali-kali akan menguasai sesebuah teks daripada awal hingga akhir. Oleh itu, teori terjemahan yang eksklusif adalah tidak diperlukan. Seorang penterjemah tidak perlu dilatih secara eksklusif hanya untuk tujuan penterjemahan yang tertentu. Hatim menyatakan bahawa bahasa berbeza berdasarkan konteks dan perbezaan ini adalah sentiasa berterusan dan tidak menentu. Ia perlu dihadapi oleh para penterjemah ketika berhadapan dengan teks-teks yang pada asasnya adalah pelbagai fungsi.

#### **2.4 Tujuan Terjemahan dan Peranan Penterjemah**

Terjemahan, menurut Baker, di sebalik segala kekurangan sebagai wahana pengantara bahasa merentasi budaya, telah membolehkan dan membawa manusia daripada pelbagai latar belakang budaya dan linguistik yang berbeza untuk berkongsi pandangan yang lebih harmoni tentang kehidupan. Ia juga telah membina jambatan persefahaman dan penghargaan antara masyarakat yang

berbeza. Jelas Baker lagi, kritikan yang skeptikal juga terpaksa mengakui bahawa jikalau tidak kerana para penterjemah, kita akan hidup dalam persekitaran yang jauh kurang mesra dan kurang menarik (Baker, 1992:8-9).

Lefevere pula menyatakan bahawa terjemahan adakalanya merupakan satu langkah mengappropriasi teks asing untuk merampas autoriti teks-teks tersebut, untuk membuktikan bahawa bahasa dan budaya pembaca adalah sebahas bahasa dan budaya asal (Lefevere,1992b:115-116). Lefevere memberi contoh audiens kesusasteraan Eropah pada zaman 500-1600 M. Majoriti mereka ialah pembaca dwi-bahasa atau multi-bahasa. Mereka membaca terjemahan bukan kerana mereka tidak memahami karya asal tetapi kerana mereka hendak membandingkan terjemahan dengan karya asal. Mereka menghasilkan terjemahan untuk membuktikan bahawa bahasa dan budaya mereka adalah sebaik bahasa dan budaya asal. Tujuan seperti ini mungkin keterlaluan untuk dikaitkan dengan terjemahan RIB kerana sememangnya terjemahan dalam versi BM bukan hendak merampas autoriti teks asal, malah pembaca kita banyak yang tidak memahami BA. Tetapi jika tujuan terjemahan PIB ini ialah untuk membuktikan bahawa bahasa dan budaya Melayu adalah sebahas bahasa dan budaya asal, ia merupakan satu dorongan yang baik untuk memajukan lagi BM dan menggalakkan usaha terjemahan.

## **2.5 Terjemahan Arab-Melayu dan Penulisan yang Berkaitan**

Kajian-kajian berhubung teori, pendekatan dan konsep dalam terjemahan Arab-Melayu di Malaysia ternyata masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Karya terjemahan telah banyak dihasilkan akan tetapi sehingga ini,



belum ada karya yang membicarakan secara mendalam tentang teori dan pendekatan terjemahan, apatah lagi membicarakan tentang faktor leksis dan budaya dalam terjemahan Arab-Melayu. Walau bagaimanapun, penulis akan membentangkan sorotan terhadap beberapa penulisan yang berkaitan.

### **2.5.1 Pengaruh BA terhadap BM dalam Terjemahan : Kajian Asmah Hj. Omar (1984)**

Asmah Hj. Omar (1984) dalam kertas kerja berjudul *Translation and Language Development*, menyentuh persoalan mengenai perkembangan yang dilalui oleh sesebuah bahasa hasil daripada aktiviti-aktiviti terjemahan daripada bahasa lain kepada bahasa tersebut. Asmah menyorot pengaruh bahasa-bahasa lain (yang kebiasaannya merupakan pengaruh satu hala) yang dibawa oleh penjajah ke atas BM. Pengaruh satu hala Sanskrit kepada Melayu menunjukkan dominasi budaya misionari Hindu dan Budha dari India pada kurun yang awal. Ia kemudiannya diikuti oleh dominasi budaya orang Islam Arab. Kedua-dua dominasi ini, menurut Asmah, telah memperkaya bahasa Melayu khususnya dari segi perbendaharaan kata. Antara bahasa-bahasa yang mempengaruhi BM ialah bahasa Parsi, Portugis, Belanda, Tamil, Cina, Jawa, Sanskrit, Arab dan Inggeris tetapi BA dan Bllah yang paling berpengaruh dan membawa kesan terbesar dalam perkembangan BM.

Asmah memberikan kredit kepada terjemahan Arab-Melayu apabila beliau menyatakan bahawa terjemahan yang sebenar di Tanah Melayu bermula dengan terjemahan daripada BA kepada BM:

Actual translations really started with the translation from Arabic to Malay. The history of Malay translation of Arabic texts began with the translation of the holy ayat of the Quran, especially those read out in prayers. These could have been followed by the translation of the doa.

(*ibid.*:121)

Menurut Asmah, terjemahan ayat suci al-Quran kelihatan tidak mempunyai variasi, begitu juga doa. Ini mengesahkan kenyataan bahawa oleh sebab al-Quran tidak mempunyai variasi, maka terjemahannya juga harus tidak mempunyai variasi. Justeru itu, elemen, sistem dan struktur BA telah meresap ke dalam BM tanpa mencetuskan apa-apa komen daripada komuniti pertuturan masyarakat Islam Melayu. Asmah mengemukakan contoh-contoh yang menunjukkan penterjemahan Arab-Melayu yang tidak gramatis. Contohnya, *أعوذ بالله من الشيطان الرجيم* diterjemahkan sebagai “Aku berlindung dengan Allah dari syaitan yang direjam”. Perkataan ‘dengan’ dalam ayat tersebut ialah terjemahan literal untuk *ب* yang bererti ‘dengan’ tetapi sewajarnya diterjemahkan sebagai ‘pada’. Asmah mencadangkan terjemahan “Aku berlindung pada Tuhan dari syaitan yang direjam” digunakan.

Walau bagaimanapun, contoh-contoh tradisional tersebut kurang relevan dengan kajian ini kerana terjemahan Arab-Melayu telah menunjukkan banyak pencapaian mutakhir ini. Banyak karya BA yang telah diterjemahkan ke BM yang lebih standard dan moden. Kesimpulannya, sekali pun penelitian Asmah ini adalah ringkas, tetapi Asmah telah mengemukakan satu fakta yang penting dan signifikan iaitu BA dan unsur-unsur budayanya mempunyai pengaruh yang besar terhadap BM.

### 2.5.2 Karya Panduan Terjemahan oleh Muhammad Bukhari, Mohd Fauzi dan Khairunnawa (1998)

Muhammad Bukhari, Mohd Fauzi dan Khairunnawa (1998) menghasilkan sebuah karya berjudul "Penerjemahan Arab-Melayu-Arab; Peraturan dan Dasar" yang diterjemah dan diadaptasi daripada sebuah buku dalam BA yang berjudul *al-Tarjamah: Usuluha wa mabadi'uha wa tatbiqatuha* karya 'Abd al-'Alim al-Sayyida Mansi dan Abdullah 'Abd al-Raziq Ibrahim. Muhammad Bukhari, Mohd Fauzi dan Khairunnawa menyatakan bahawa "apabila ditelusuri sejarah penerbitan buku bagi disiplin ini, ternyata inilah karya pertama di Malaysia walaupun dalam bentuk terjemahan dan adaptasi." Sebenarnya karya asal buku tersebut dalam BA bertujuan memberikan bimbingan kepada pembaca BA yang inginkan bimbingan dalam terjemahan Arab-Inggeris. Walau bagaimanapun, oleh sebab karya tiga penulis Melayu ini merupakan adaptasi daripada karya penulis Arab, skop perbincangannya adalah terikat dan tertakluk kepada karya asal. Karya mereka lebih menumpukan kepada sudut linguistik dan tatabahasa dalam terjemahan berbanding perbincangan yang lebih kompleks tentang masalah pemindahan makna antara dua budaya yang berbeza. Memandangkan karya mereka merupakan yang pertama dalam disiplin terjemahan Arab-Melayu, maka penulis menyebutkannya di sini sebagai sebuah rekod terhadap sejarah terjemahan Arab-Melayu. Namun, aspek tatabahasa yang ditumpukannya kurang relevan dengan persoalan leksis dan budaya yang menjadi fokus perbincangan kajian ini. Malah,

contoh-contoh panduan yang diberikan dalam karya ini adalah lebih relevan apabila ia berada dalam kedudukan bebas-konteks sahaja.

### **2.5.3 Gesaan untuk Meningkatkan Kajian Perbandingan antara Bahasa dan Budaya dalam Terjemahan**

Mutakhir ini telah timbul banyak suara yang mencadangkan agar penyelidikan dan kajian yang lebih serius tentang terjemahan atas sifatnya sebagai kajian perbandingan antara bahasa dan budaya dijalankan. Sohair Abdel Moneim Sery (1993) dalam kertas kerjanya "Tamadun Islam Asas Kemajuan Ilmu dan Teknologi Moden (Dari Skop Terjemahan)" menyatakan bahawa sudah sampai masanya untuk mewujudkan sebuah mata pelajaran baru yang dinamakan "Perbandingan Bahasa" antara BA dengan BM. Pelajaran ini bertujuan mengkaji dan meneliti perbandingan antara BA dengan BM, bukan dari segi tatabahasa sahaja, bahkan dari segi susunan ayat, penggunaan kata hubung dan juga mengkaji dengan teliti perbendaharaan BA yang digunakan dalam BM bagi mengetahui sejauh mana ketepatan atau penyelewengannya. (Sohair Abdel Moneim Sery, 1993:150). Gesaan Sohair ini menggambarkan kesedaran tentang pentingnya kajian-kajian terjemahan Arab-Melayu ini dilakukan. Walau bagaimanapun, cadangan ini belum terlaksana.

Sebuah kesimpulan bolehlah dirumuskan bahawa penyelidikan dan penulisan berkaitan yang diperolehi dalam bidang terjemahan Arab-Melayu ini masih belum membincangkan secara memuaskan persoalan makna dan budaya serta teori dan pendekatan dalam menyelesaikan masalah. Justeru itu, kajian ini berusaha untuk mengisi kekosongan dan kekurangan tersebut. Kajian ini akan

mengupas faktor lexis dan budaya yang merupakan unit terjemahan sebenar yang diakui oleh para sarjana terjemahan yang masyhur pada alaf ini. Adalah diharapkan ia akan memberikan sumbangan bermakna dalam menambah data perpustakaan khususnya dalam bidang terjemahan Arab-Melayu dan seterusnya merintis kajian-kajian yang lebih bermakna pada masa depan.

## 2.6 Kesimpulan : Aspek Makna dalam Penterjemahan

Aspek makna merupakan aspek yang paling penting dalam penterjemahan. Semenjak berabad-abad lamanya, sarjana terjemahan menumpukan usaha dalam mencari pendekatan terbaik yang boleh digunakan oleh para penterjemah untuk memindahkan makna dalam teks sumber kepada teks sasaran. Hal ini menunjukkan bahawa kajian tentang makna merupakan paksi utama disiplin terjemahan.

Neubert,(1984) dengan tegas menyatakan tentang pentingnya aspek makna dalam terjemahan:

the kingpin of translation studies. Without understanding what the text to be translated for the L2 users the translator would be hopelessly lost. This is why the translation scholar has to be a semanticist over and above everything else. But by semanticist we mean a semanticist of the text, not just of words, structures and sentences. The key concept for the semantics of translation is textual meaning.

Neubert, dipetik dalam Bell, 1991:79

Isu tentang aspek makna dalam terjemahan boleh dilihat secara tradisional dan juga menerusi pendekatan yang mutakhir pada era 80-an dan 90-an. Bell

(1991), umpamanya, melihat isu aspek makna daripada sudut pandangan tradisional dan pandangan mutakhir yang lebih konkrit. Bell merumuskan bahawa dari sudut pandangan tradisional, makna dilihat pada tahap perkataan dan ayat dan beliau menyifatkannya sebagai "*the naive translator's view of meaning' - word- and sentence meaning*". Bell mengkritik pandangan tradisional ini dan mengesyorkan pendekatan terhadap kajian makna dengan menumpukan perhatian kepada kajian tentang teks dan wacana. Bell mencadangkan peralihan daripada konsep tradisional kepada fokus yang lebih spesifik terhadap makna dalam bentuk proposisi, ayat(klausa) dan ujaran, dan aspek pragmatik bahasa yang digunakan, lakuan bahasa, teks, wacana dan struktur. Bell melihat makna sebagai nilai sosial dan komunikatif, dalam domain pragmatik yang mempunyai hubungan dengan teks dan wacana. (Bell, 1991:79-81)

Pendekatan yang dikemukakan oleh Bell ini turut dikongsi oleh banyak sarjana terjemahan yang lain. Sarjana-sarjana terjemahan telah memberikan hujah mengapa konsep tradisional dalam melihat masalah makna perlu ditolak. Baker (1992), berhujah bahawa konsep sesuatu bahasa adalah berbeza secara radikal daripada konsep bahasa lain. Venuti (1995) pula menegaskan bahawa makna merupakan hubungan jamak dan saling bergantung, bukannya suatu kesatuan intipati yang tidak berubah dan oleh sebab itu terjemahan tidak boleh dinilai berdasarkan konsep persamaan semantik berasaskan Matematik atau padanan satu lawan satu.

Apabila membicarakan tentang makna, yang merupakan aspek yang terpenting dalam terjemahan, perbincangan tentang ilmu semantik tidak dapat dielakkan. Namun, kajian semantik sendiri berkesudahan dengan kesimpulan

bahawa makna ialah sesuatu yang kompleks dan tiada pendekatan yang mudah dan tunggal untuk melihat makna. Yang ada ialah pelbagai pendekatan untuk melihat dan mengatasi masalah makna.

Semantik ialah kajian tentang makna. Dalam bidang linguistik, semantik ialah kajian tentang makna perkataan dan ayat serta denotasi, konotasi, implikasi dan ketaksaannya. Pelbagai pendekatan diperkenalkan oleh sarjana semantik seperti medan makna (*semantic fields*); hubungan maksud (*sense relations*); analisis komponen (*componential analysis*); hubungan semantik dengan tatabahasa dan pragmatik untuk mengkaji makna. Ahli linguistik British, J.R. Firth yang menjejaki pandangan ahli antropologi Poland, Bronislaw Malinowski mengemukakan pendekatan konteks keadaan<sup>1</sup> (*context of situation*) sebagai tahap analisis linguistik yang penting seiring dengan sintaks, kolokasi, morfologi, fonologi dan fonetik yang memberikan sumbangan kepada makna linguistik dalam maksud yang amat luas. Walau bagaimanapun, konsep Firth ini sedikit sekali digunakan secara praktikal. Pelbagai pendekatan yang dinyatakan ini sebenarnya menunjukkan bahawa sarjana semantik tidak mempunyai pendekatan yang tunggal lagi mudah untuk menangani isu makna. McAthur membuat kenyataan yang tepat dalam kesimpulannya tentang semantik:

There can be no single, simple approach to the study of semantics, because there are many aspects of meaning both within language and in the relation between language and the world. The complexity of semantics reflects the complexity of the use of human language.

Walaupun ilmu semantik tidak sepenuhnya dapat membantu terjemahan dan para penterjemah, teori tentang makna terus berkembang dengan maju dalam disiplin terjemahan. Sarjana-sarjana telah beralih daripada melihat **perkataan dan ayat** sebagai unit terjemahan kepada **teks** (Neubert, 1984). Yang paling mutakhir kini, sarjana-sarjana telah beralih pula daripada **teks** kepada **budaya**. Lefevere dan Bassnett Mc-Guire menyorot peralihan ini berasaskan pandangan Snell-Hornby, seorang sarjana terjemahan Jerman:

Mary Snell-Hornby exhorts linguists to abandon their 'scientific' attitude and to move from 'text' as a putative 'translation unit', to culture - a momentous step that would go far beyond the move from the word as a 'unit' to the text.

Bassnett Mc-Guire dan Lefevere, 1990:4

Snell-Hornby (1990) dalam artikelnya, "*Linguistic Transcoding or Cultural Transfer? A Critique of Translation Theory in Germany*" telah membincangkan tentang teori terjemahan yang terbaru di Jerman. Menurut beliau, pendekatan terjemahan yang dominan di kalangan sarjana terjemahan Jerman kini lebih berorientasikan budaya berbanding pemindahan linguistik. Mereka melihat terjemahan bukan sebagai proses pemindahan kod tetapi sebuah lakuan komunikasi. Di samping itu, mereka melihat teks sebagai bahagian pelengkap dunia (*integral part of the world*) dan bukan sebagai spesimen bahasa yang terasing.

Bassnett Mc-Guire dan Lefevere menyatakan bahawa makna dalam terjemahan tidak boleh dilihat bebas daripada konteksnya. Terjemahan, menurut mereka, tidak pernah bersifat *innocent* (bersih). Dalam terjemahan sentiasa sahaja



terdapat sebuah konteks terjemahan itu mengambil tempatnya, sebuah sejarah yang di dalamnya sebuah teks itu muncul dan sebuah posisi baru teks itu ditukarkan tempatnya. Terjemahan melibatkan lebih banyak daripada sekadar hubungan seorang individu dengan TS dan sebuah kamus dwibahasa. Sebenarnya, kamus dwibahasa itu sendiri merupakan sebuah pengajaran tentang kelemahan apa jua konsep persamaan sebagai keserupaan linguistik.

Pandangan Lefevere dan Bassnett Mc-Guire diakui oleh ahli leksikografi: sukar untuk menentukan makna tanpa melihat konteksnya. Haji Zainal Abidin Safarwan, pakar leksikografi Melayu yang menyusun Kamus Besar Melayu Utusan (1995), secara eksplisit mengakui bahawa adalah sukar untuk membuat kepastian bagaimana makna dapat dilihat dengan jelas. Menurut Zainal Abidin, kata-kata mengandungi makna dan bagaimana makna kata-kata berhubungan, sebenarnya bergantung kepada bagaimana pengguna sesuatu bahasa menyusun segala pengalamannya dalam ungkapan yang terbentuk daripada kata-kata. Zainal Abidin menegaskan bahawa budaya, konteks, sejarah dan dialek merupakan faktor yang banyak mempengaruhi makna.

Bassnett Mc-Guire dan Lefevere seterusnya menegaskan bahawa terjemahan tidak pernah lahir dalam bekas kedap udara yang membolehkan ia dan teks asalnya diperiksa berdasarkan *tertium comparationis*<sup>2</sup> dalam bilik leksikal yang paling tulen, tanpa dicemari oleh kuasa, masa atau budaya. Malah, terjemahan dibuat untuk memberi jawapan kepada kehendak sesebuah budaya dan pelbagai kumpulan yang terdapat dalam budaya tersebut.

Menurut Bassnett Mc-Guire dan Lefevere lagi, objek terjemahan yang dikaji juga telah didefinisi semula kini. Apa yang dikaji ialah teks yang

mempunyai hubungan dengan pelbagai tanda budaya bahasa sumber dan sasaran dan dengan cara ini, kajian-kajian terjemahan telah berupaya untuk menggunakan pendekatan linguistik dan juga keluar melampauinya. Malah, dengan lenyapnya konsep persamaan dan pengiktirafan terhadap kenyataan bahawa konvensi kesusasteraan berubah secara berterusan, norma-norma penilaian lama seperti terjemahan 'bagus' dan 'buruk', 'setia' dan 'tidak setia' juga telah hilang. Daripada berdebat tentang ketepatan sesebuah terjemahan berdasarkan kriteria linguistik, penterjemah-penterjemah dan sarjana terjemahan kini lebih cenderung untuk menilai fungsi relatif teks dalam setiap satu daripada dua konteks budayanya.

Bertolak daripada pendekatan terbaru yang melihat budaya sebagai unit terjemahan yang sebenar dan merupakan unit utama untuk melihat makna, maka kajian ini menjadikan lexis<sup>3</sup> dan budaya sebagai faktor serta strategi untuk mendapatkan makna dalam terjemahan, dan secara spesifiknya makna dalam karya terjemahan RIB. Oleh sebab lexis dan budaya tidak dapat sama sekali dipisahkan, berdasarkan hujah-hujah kukuh yang dibentangkan di atas, maka analisis teks RIB ini akan dirangkumi oleh faktor lexis dan budaya dalam ertikatanya yang bercantum dan bukan terpisah. Mungkin istilah yang lebih tepat untuk merujuk fenomena ini ialah dengan mengakronimkan istilah leksikal dan budaya menjadi leksiko-budaya. Istilah leksiko-budaya dapat melenyapkan tanggapan mereka yang melihat leksikal dan budaya sebagai dua perkara yang terpisah dalam konteks terjemahan.

---

<sup>3</sup>Konteks keadaan ialah ciri-ciri dunia luar yang memberi makna kepada ujaran atau teks. (Kamus Linguistik, 1997: 140).

---

<sup>2</sup> *Tertium Comparationis* ialah istilah yang digunakan oleh sarjana terjemahan Jerman untuk merujuk kepada konsep persamaan.

<sup>3</sup> Leksis : daripada perkataan Greek *lexis* yang bermaksud *speech*. Istilah ini popular kerana ia tidak mengandungi kekaburan dan merupakan perkataan Greek yang asli. Leksis menurut IIsan, merupakan istilah yang terdapat khususnya dalam Linguistik British yang menunjukkan kosa kata sebuah bahasa atau sub-bahasa, yang mengandungi terutamanya leksemnya. (McAthur: 602). Kamus Dewan, (1994:785) pula menakrifkan leksis sebagai perbendaharaan kata sesuatu bahasa, kosa kata, leksikon. Leksis merupakan sinonim kepada perkataan leksikon yang juga bermakna perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau sesuatu bidang.